



عِيدُ الْاَضْحَى

# Khutbah Aidiladha

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

1445 H / 2024 M



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “**AIDILADHA: PENGORBANAN MEMUPUK SIFAT IHSAN**”

17 Jun 2024 / 10 Zulhijah 1445

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ<sup>1</sup>،  
اللَّهُ أَكْبَرُ كَثِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا.  
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَقَفْنَا لِعِبَادَتِهِ، وَجَعَلَ هَذَا الْيَوْمَ فَرَحًا لِعِبَادِهِ الْمُتَّقِينَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا  
اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup>  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ. فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ  
وَالْمُسْلِمَاتُ، اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

### Muslimin Muslimat yang dimuliakan,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan Nya; mudah-mudahan kita menjadi insan beriman dan bertakwa, selamat di dunia – sejahtera di akhirat. Alhamdulillah, pada pagi penuh barakah ini, dengan limpahan rahmat Allah SWT kita tergolong antara hamba yang terpilih mendapat undangan Ilahi, berpeluang menyempurnakan solat sunat Aidiladha di rumah Allah secara berjemaah. Khatib akan memperdengarkan khutbah bertajuk:

### “**AIDILADHA: PENGORBANAN MEMUPUK SIFAT IHSAN**”

Firman Allah SWT, surah as-Saffat, ayat 102:

﴿فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَئُ إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَى<sup>٤</sup> قَالَ يَتَابَتُ  
أَفْعَلْ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ<sup>٥</sup>﴾

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Bermaksud: “Maka, tatkala anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Ibrahim berkata, “Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya aku bermimpi bahawa aku akan menyembelih mu, maka fikirkanlah bagaimana pendapat mu!” Dia menjawab, “Wahai ayah ku, jalankanlah apa-apa yang diperintahkan kepadamu! Insya-Allah, kamu akan mendapati aku termasuk dalam golongan orang yang sabar”.

‘*Aidiladha*’ ialah perayaan suci umat Islam. Hari orang Mukmin disunatkan melakukan ibadah korban; menyembelih haiwan terdiri daripada kambing, lembu dan unta, mulai 10 Zulhijah sehingga 13 Zulhijah yang dinamakan sebagai Hari Tasyrik. Selama empat hari tempoh yang diperuntukkan untuk melakukan ibadah korban, membuktikan betapa tingginya kebaikan ibadah korban, seolah-olah Allah SWT membuka seluas-luas peluang dan amat menggalakkan hamba Nya meraih kebaikan ibadah tersebut.

Ayat 102 surah as-Saffat yang khatib bacakan pada awal khutbah, menyeru ummah untuk menghayati kisah pengorbanan Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS demi mentaati perintah Allah SWT. Maha Suci Allah SWT yang sempurna pengetahuan dan perancangan Nya, memuliakan kepatuhan Nabi Ibrahim AS dan menghargai ketaatan Nabi Ismail AS dengan menggantikan ibadah sembelihan haiwan korban sebagai ganjaran kepada mereka yang berjaya melepasi ujian. Pada ayat berikutnya Allah SWT menyifatkan mereka sebagai (*Muhsinin*) orang yang berlaku ihsan.

Apakah hikmah yang boleh dirungkaikan daripada peristiwa ini? Sesungguhnya mentaati perintah Allah SWT, lazimnya menuntut pengorbanan dan kesabaran. Kita mengorbankan waktu tidur demi menunaikan solat sunat tahajud pada akhir malam dan solat fardu subuh pada awal pagi. Kita berkorban nikmat makan dan minum, berpuasa untuk menginsafi kehidupan yang dialami oleh insan yang tiada makanan. Kita berwakaf dan bersedekah, berkorban harta demi membantu orang-orang yang berada dalam kedaifan kemiskinan. Kita berkorban masa dan tenaga mencurahkan bakti melakukan kerja-kerja kebajikan untuk kebaikan ahli keluarga, jiran tetangga, masyarakat, ummah dan alam semesta. Hakikatnya pengorbanan mendidik kita memupuk sifat ihsan.

Ihsan bermaksud melakukan sesuatu perkara, sama ada ibadah atau apa juga pekerjaan dengan terbaik dan sesempurna mungkin, untuk dipersembahkan kepada Allah SWT, meyakini bahawa setiap perbuatan diperhatikan oleh Allah SWT.



Ihsan merupakan tingkat kesempurnaan iman seseorang dan Allah SWT amat mencintai golongan yang berbuat ihsan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

**Hadirin hadirat yang dilimpahi rahmat Illahi,**

Pada hari ini dan hari-hari Tasyrik, umat Islam yang berkemampuan amat dituntut melakukan ibadah korban, berkongsi rezeki kurniaan Illahi, untuk diagihkan sebahagian daripada daging korban kepada golongan fakir miskin. Insaflah! tidak semua manusia berkemampuan menikmati juadah berlaukkan daging, maka pada hari ini, golongan fakir dan miskin turut sama berpeluang menikmati lauk-pauk yang enak hasil ihsan daripada golongan yang berkemampuan.

Namun, perlu difahami bahawa pengorbanan tidak terbatas maknanya dengan melaksanakan ibadah sembelihan korban. Pengorbanan turut bermaksud, ummah sanggup menanggung kesusahan dan penderitaan untuk kepentingan dan kebahagiaan pihak lain. Sejarah membuktikan para sahabat Nabi SAW daripada golongan Ansar bersedia berkorban membantu golongan Muhajirin dengan menyerahkan sebahagian harta milik mereka, walaupun sebahagian mereka pada hakikatnya tergolong dalam kalangan yang susah. Mereka masih sedia berkorban, mendahulukan keperluan golongan Muhajirin, yang berhijrah ke Madinah sehingga Allah SWT memuji pengorbanan mereka melalui firman Nya ayat 9 surah al-Hasyr:

﴿وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَنْ يُوقِ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾﴾

Bermaksud: Orang (Ansar) yang telah mendiami kota (Madinah) dan telah beriman sebelum (kedatangan) mereka, mengasihi orang yang berhijrah ke tempat mereka. Mereka tidak menaruh keinginan dalam hati mereka terhadap apa-apa yang diberikan kepada mereka (orang Muhajirin) dan mereka mengutamakan (orang Muhajirin) lebih daripada diri mereka sendiri meskipun mereka juga memerlukan. Dan sesiapa yang dilindungi daripada sifat bakhil, maka mereka itulah orang yang berjaya.

## اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Dalam lafaz takbir yang diulang-ulang sepanjang Aidiladha dan pada hari-hari Tasyrik, ada menyentuh tentang kemenangan yang Allah kurniakan kepada umat Islam hingga mampu mengalahkan tentera Ahzab. Kemenangan tersebut tidak akan tercapai tanpa pengorbanan tulus ikhlas para mujahidin yang berjuang mempertahankan Islam dan bumi Madinah daripada serangan musuh.

Dalam suasana semasa, ummah tidak boleh melupakan saudara-saudara seakidah kita di Palestin, yang kini sedang dizalimi, dibunuh dan dicabul hak-hak mereka. Mereka memerlukan pengorbanan umat Islam di seluruh dunia untuk membantu mereka keluar daripada azab dan penderitaan akibat perbuatan zalim rejim Zionis Israel. Umat Islam wajib bersifat ihsan kepada mereka dan melakukan pengorbanan menurut yang termampu, menghulurkan bantuan kewangan, makanan, ubat-ubatan serta pelbagai keperluan lain demi kelangsungan hidup mereka dan menjaga kesucian Masjid al-Aqsa.

## اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

### **Para tetamu Allah yang dimuliakan,**

Dalam keriangannya menyambut Aidiladha, khatib memperingatkan perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Allah memerintahkan hamba-hamba Nya agar berlaku ihsan dalam semua perkara, termasuklah kepada haiwan. Sabda Nabi SAW:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ، فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ، وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَ، وَلْيُحَدِّدْ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ، وَلْيُرِخْ ذَبِيحَتَهُ.

Bermaksud: Sesungguhnya Allah mewajibkan berlaku ihsan dalam semua perkara. Jika kamu membunuh, maka berlaku ihsan semasa membunuh. Jika kamu menyembelih, berlaku ihsanlah semasa menyembelih. Hendaklah kamu menajamkan pisau dan merehatkan haiwan sembelihan.

**Kedua:** Kepada jemaah yang melakukan ibadah korban, hayatilah semangat korban, dan bersifat ihsan dengan mengutamakan golongan fakir dan miskin apabila mengagihkan daging korban, berbanding bahagian untuk diri sendiri.



**Ketiga:** Petugas-petugas korban juga perlu berlaku ihsan semasa proses sembelihan binatang korban. Ikhlasikan niat ketika menyumbang tenaga tanpa mengharapkan upah. Perlu diingatkan, petugas tidak boleh mengambil upah daripada daging atau anggota haiwan korban. Sagu hati boleh diberikan, tetapi mestilah daripada sumber lain yang bukan berkait dengan binatang korban.

**Keempat:** Kejayaan yang gemilang tidak akan dicapai tanpa pengorbanan yang besar. Hayati semangat pengorbanan – hayati sifat ihsan agar dapat meningkatkan kualiti amal dalam pekerjaan masing-masing demi membangunkan ummah dan kemakmuran yang kukuh.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





## Khutbah Kedua

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا. الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ، صَدَقَ  
وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ. فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ  
وَالْمُسْلِمَاتُ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوهُ! وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

### Jemaah yang dirahmati Allah,

Manfaatkan sambutan Aidiladha untuk merapatkan hubungan silaturahim sesama sanak-saudara dan jiran tetangga, dalam semangat persaudaraan yang saling bermaaf-maafan, membenamkan segala sengketa agar tersemai kasih sayang sesama ummah. Pada masa yang sama, jangan kita lupakan pengorbanan anggota keselamatan, petugas kesihatan dan semua pihak yang terlibat dalam perkhidmatan 24 jam. Terima kasih kepada mereka yang memenuhi amanah melaksanakan pelbagai tugas untuk membolehkan kita menyambut Aidiladha dalam suasana aman, tenteram dan selamat.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>4</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ<sup>5</sup> وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ  
وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَتَثِّبْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

<sup>4</sup> Ayat Al-Quran

<sup>5</sup> Doa untuk kaum muslimin



**Ya Allah! Ya Rabbal ‘Alamin**, terimalah amalan korban para hamba Mu. Jadikanlah sambutan Aidiladha, sebagai pemangkin untuk kami sentiasa meneladani pengorbanan Nabi Ibrahim AS, dan mencontohi sifat ihsan Nabi Muhammad SAW.

**Ya Allah Ya Hafiz!** kurniai kami kesihatan dan lindungi kami daripada sebarang bencana dan kemalangan ketika kami menyambut Aidiladha terutama semasa perjalanan menziarahi ibu bapa dan saudara-mara kami. Kurniai kesihatan dan keselamatan kepada para jemaah haji agar dapat menunaikan haji yang mabrur. Limpahi ganjaran Mu kepada para Mujahidin yang berkorban jiwa dan raga demi mempertahankan kedaulatan Islam dan tanah air, khususnya buat saudara-saudara kami di Palestin.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik Ya Hadi!** kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ